

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
(SUNGAI SIPUT)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21.10.2015

Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ [SUNGAI SIPUT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah tepat untuk mengecualikan elaun perjalanan (yang merupakan bahagian terbesar dalam gaji pemandu lori) daripada pengiraan jumlah caruman KWSP yang patut dibayar bagi pemandu lori.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti yang ditakrifkan di bawah Seksyen 2, Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 1991 menyatakan bahawa “upah” ertiannya semua saraan dalam bentuk wang, yang kena dibayar kepada pekerja di bawah kontrak perkhidmatan atau

perantisannya sama ada dipersetujui untuk dibayar secara bulanan, mingguan, harian atau selainnya dan termasuk apa-apa bonus, komisyen atau elaun yang kena dibayar oleh majikan kepada pekerja.

Walau bagaimanapun bayaran-bayaran berikut dikecualikan daripada takrifan upah iaitu caj perkhidmatan, bayaran lebih masa, ganjaran, faedah persaraan, faedah pengurangan pekerja, pemberhentian sementara atau penamatan pekerja, mana-mana elaun perjalanan atau nilai mana-mana konsensi perjalanan.

Bagi kes melibatkan pemandu lori, kebiasaannya terdapat dua senario pembayaran gaji atau upah yang dilakukan iaitu:-

- a. Pemandu lori yang dibayar gaji pokok dan juga dibayar elaun perjalanan. Sekiranya bayaran elaun perjalanan tersebut dibayar untuk menampung kos dan perbelanjaan semasa melakukan tugas, bayaran tersebut adalah dikecualikan daripada caruman KWSP; atau
- b. Pemandu lori dibayar elaun perjalanan atas tugas yang dilakukan, elaun tersebut boleh ditakrifkan sebagai ‘upah’ dalam erti kata Akta

KWSP 1991 dan dikenakan caruman KWSP memandangkan bayaran tersebut merupakan sebahagian pendapatan atas tugas yang dilakukan.

Sebagai rumusan, elaun perjalanan bagi pemandu lori untuk kategori para (a) di atas adalah dikecualikan dari tanggungan caruman KWSP manakala kategori (b) adalah dikenakan caruman KWSP (tertakluk kepada fakta-fakta kes berkenaan).